

1. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tidak ada kesalahan.



Apa yang tidak dapat menyesuaikan diri semasa berada di perantauan sudah tentu akan menghadapi masalah.

- ☐ A Siapa yang bukan dapat
☐ B Sesiapa yang tidak dapat
☐ C Apa-apa yang tidak boleh
☐ D Apa yang tidak dapat

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Sila duduk di tempat sekalian dan tumpukan perhatian pada tayangan slaid," kata Cikgu Teo kepada murid-muridnya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di	ke
B	sekalian	masing-masing
C	tumpukan	menumpukan
D	pada	kepada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Di waktu puncak, jalan raya utama di Subang Jaya pasti sesak sekali dengan pelbagai jenis kenderaan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Di	Pada
B	pasti sesak sekali	pasti sekali sesak
C	dengan	oleh
D	pelbagai	berbagai

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Salah satu syarat untuk memohon jawatan itu adalah pemohon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman selama tiga tahun dalam bidang pemasaran.

	Kesalahan	Pembetulan
A	untuk	demi
B	adalah	ialah
C	mempunyai	punyai
D	dalam	di dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Selain dua batang joran, Pak Malau turut membawa sebetuk jala ketika menangkap ikan di sungai.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dua	kedua
B	sebetuk	serawan
C	ketika	selagi
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pakar sains nuklear di Jepun bertungkus lumus membaik loji tenaga nuklear yang rosak akibat gempa bumi itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di	ke
B	membaik	membaiki
C	yang	bahawa
D	akibat	hasil

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Saya tidak mahu meminjami wang kepadanya kerana kata-katanya sukar dipercayai.

	Kesalahan	Pembetulan
A	tidak	bukan
B	meminjami	meminjamkan
C	kepadanya	padanya
D	kerana	sebab

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Di pintu masuk ke pejabat itu tulis notis bahawa jurujual tidak dibenarkan masuk ke pejabat tersebut.

	Kesalahan	Pembetulan
A	ke	di
B	tulis	tertulis
C	jurujual	juru jual
D	dibenarkan	dibenar

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Perniagaan nasi lemak Puan Siti Aishah di gerai seberang jalan itu amat terlaris.

	Kesalahan	Pembetulan
A	perniagaan	peniagaan
B	di	ke
C	itu	situ
D	amat terlaris	amat laris

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Maklumat penting itu telah saya maklumkan pada mereka pagi tadi sebelum perhimpunan bermula.

	Kesalahan	Pembetulan
A	telah	akan
B	saya maklumkan	dimaklumkan oleh saya
C	pada	kepada
D	sebelum	selagi

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Rafizi dan rakan-rakannya pernah menyiapkan rekaan mereka ketika Cikgu Hamid dan dua orang juri lain menghampiri mereka.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pernah	sedang
B	ketika	sekiranya
C	dan	atau
D	dua	kedua

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Buku rujukan yang dibeli oleh Kamala di kedai buku semalam adalah buku Geografi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	yang	agar
B	dibeli oleh Kamala	Kamala beli
C	di	ke
D	adalah	ialah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kempen antirasuah dengan besar-besaran akan dilancarkan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

	Kesalahan	Pembetulan
A	antirasuah	anti rasuah
B	dengan	secara
C	besar-besaran	besar-besar
D	dilancarkan	dilancar

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kakak membeli dua helai kertas pembalut hadiah dan senaskhah kad ucapan di kedai alat tulis itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dua	kedua
B	helai	bidang
C	senaskhah	sekeping
D	alat tulis	tulis alat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kegunaan e-mel yang meluas melalui kemudahan Internet menyebabkan perkhidmatan telegram ditamatkan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Kegunaan	Penggunaan
B	menyebabkan	disebabkan
C	perkhidmatan	khidmat
D	ditamatkan	ditamat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Ibu pesan kepada abang supaya membelikannya satu kilogram beras pulut.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pesan	berpesan
B	kepada	pada
C	supaya	sambil
D	membelikannya	membelikan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Rupa-rupanya, Yazid bukan tahu bahawa dia bukan anak kandung pemilik syarikat permotoran itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bukan tahu	tidak tahu
B	bahawa	yang
C	bukan anak	tidak anak
D	itu	situ

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Kami tidak mampu mengalihkan pasu bunga yang berat itu," kata Kamal kepada rakannya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Kami	Saya
B	tidak	bukan
C	mengalihkan	mengalih
D	kepada	pada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Beliau menyeru para penuntut-penuntut yang terpilih ke luar negara itu supaya menjaga tatasusila mereka demi nama baik negara.

	Kesalahan	Pembetulan
A	menyeru	diseru
B	para penuntut-penuntut	para penuntut
C	terpilih	pemilihan
D	demi	untuk

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kehadiran kami di sini ialah untuk memberikan sokongan kepada para pemain badminton sekolah kami.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di sini	sini
B	ialah	adalah
C	kepada	pada
D	para pemain	para pemain-pemain

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D